

Seni Penolakan Melayu Antara Pemimpin Berdasarkan Teks *Sulalat Al-Salatin*

Malay Refusal Strategy Between Leader Based on Sulalat Al Salatin Text

Norshariza Mohamed Faizal
norsharizamohamedfaizal@yahoo.com

Siti Saniah Abu Bakar
saniah@fbk.upsi.edu.my

Hasrina Baharum
hasrina@fbk.upsi.edu.my

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

DOI: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.2.3.2020>

Received: 17 May 2020; Accepted: 22 October 2020; Published: 22 October 2020

Cite this article (APA): Mohamed Faizal, N., Abu Bakar, S. S., & Baharum, H. (2020). Seni Penolakan Melayu Antara Pemimpin Berdasarkan Teks *Sulalat Al-Salatin*. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2), 33-43. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.2.3.2020>

ABSTRAK

Isu kesantunan berbahasa dalam melakukan penolakan amat penting sebagai cerminan budaya masyarakat Melayu. Berlandaskan aspek seni penolakan, kajian ini dilakukan untuk menganalisis strategi penolakan Melayu dalam melakukan penolakan antara golongan raja dengan raja. Berdasarkan Teks *Sulalat Al-Salatin*, kajian ini dianalisis secara deskriptif menggunakan Teori Kesantunan Brown dan Levinson (1987). Berdasarkan Strategi Kesantunan Positif dan Strategi Kesantunan Negatif ini, analisis kajian yang dikaji dilihat bahawa cara penolakan masyarakat Melayu ini telah lama dipraktikkan pada zaman Kesultanan Melayu dahulu cuma istilah yang digunakan berbeza dengan istilah barat dan Islam. Hal ini demikian kerana sifat budi dalam berbahasa sememangnya ditekankan dalam masyarakat Melayu. Kajian ini mendapati bahawa masyarakat Melayu pada zaman dahulu mempunyai strategi yang santun dalam melakukan penolakan. Kesantunan dalam kehidupan masyarakat Melayu tidak hanya terbatas dengan perlakuan bahasa sahaja, bahkan turut melibatkan perlakuan adat.

Kata kunci: strategi penolakan; kesantunan; Melayu; *Sulalat Al-Salatin*.

ABSTRACT

The issue of politeness in denial extremely important as a reflection of the culture of the Malay community. Based on the art of rejection, this study was conducted to analyze the strategy of denial wither in denial of between the king and kings. Based on *Sulalat Al-Salatin's* text, this study was analyzed descriptively using Brown and Levinson's Theory of Politeness (1987). Based on Positive Politeness Strategies and Negative Politeness Strategy analysis study surveyed viewed that way in the decline of the Malay community has been practiced in the days of the Malay sultanate before just different terminology used by western and Islamic terms. This is because the nature of the discretion in speaking indeed emphasized in the Malay community. The study found that the Malay community in the past have a decent strategy in doing refusals. Politeness in the life of the community is not limited to the treatment of language only, but also includes a custom treatment.

Keywords: strategy rejection; modesty; Malay; *Sulalat Al-Salatin*.



PENDAHULUAN

Kesantunan orang Melayu dilihat lebih terserlah dengan penggunaan penanda sopan, iaitu beradab sewaktu berkomunikasi. Semakin banyak penanda santun digunakan dalam sesuatu komunikasi, maka akan bertambah tingkat kesantunan si penutur. Hal ini bersesuaian dengan ciri keperibadian yang dimiliki oleh orang Melayu yang dianggap bersopan santun, berbudi bahasa, lemah lembut dan penuh keprihatinan terhadap orang lain. Abd. Wahid Jais dan Faezah Kassim (2009); Ab Aziz Mohd Zain (2006); serta Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Hasrul Shuhari (2011) berpendapat jika akhlak itu selaras dengan al-Quran dan hadis maka ia dianggap akhlak yang baik. Jika sebaliknya, maka ia menjadi akhlak yang buruk.

Akhlak membawa pengertian yang menyeluruh, mencakupi perbuatan lahiriah yang dihasilkan daripada dorongan batiniah dalam jiwa seseorang manusia. Akhlak bukan sahaja dianggap sebagai budi pekerti yang mulia, bahkan ia amat dituntut agar dilaksanakan dalam kehidupan umat Islam. Apabila akhlak sudah hilang dalam diri manusia, akan timbul keruntuhan dalam sesuatu masyarakat. Hal ini dapat dilihat dengan kemusnahan susunan hidup secara fitrah serta perlakuan yang baik kepada buruk. Sehubungan dengan itu, kajian yang berkaitan tentang strategi penolakan ini termasuk dalam kajian kesantunan berbahasa, khususnya yang dikaitkan dengan kesantunan masyarakat Melayu zaman dahulu dalam menolak kehendak pihak tertentu dengan cara yang santun tanpa mengguris hati pendengar.

PERNYATAAN MASALAH

Mutakhir ini, menerusi berita-berita di media sosial didapati masyarakat Melayu kurang menitikberatkan hal berkaitan kesantunan berbahasa dalam kehidupan. Perkara ini dapat disaksikan melalui video yang dipaparkan sama ada laman *facebook* atau *youtube*.

Sebagai contoh, video berdurasi selama 14.03 minit yang boleh diakses daripada <http://youtu.be/7QXCeySMLrg> menunjukkan beberapa insiden perbalahan dalam kalangan wakil rakyat pembangkang dan kerajaan yang tidak menjaga air muka dan kesantunan berbahasa ketika menolak pendapat sesama sendiri. Cara pihak tersebut menolak pendapat dilihat begitu kasar sehingga berlaku pertikaman lidah. Di samping itu, berlaku juga insiden yang memperlihatkan suara wakil Permatang Pauh dan Puchong begitu lantang membidas Dato Speaker sebagai ketua Dewan Parlimen yang dilihat tidak menjaga adab terhadap pihak yang lebih tinggi. Berdasarkan situasi berdurasi selama 14.03 minit tersebut, didapati bahawa adab dalam santun berbahasa tidak ditonjolkan oleh ahli-ahli Dewan Parlimen. Hal ini menunjukkan masyarakat pada hari ini lemah dalam melakukan penolakan ketika berkomunikasi mengikut konsep kesantunan berbahasa. Selain itu, insiden ini juga mencemarkan budaya Melayu khususnya dalam adab dan kesantunan dalam berbahasa. Menurut Norazlina Hj Mohd Kiram dan Raja Masittah Raja Ariffin (2014), adab dalam menjaga air muka ini menjadi lambang sebahagian daripada peribadi orang Melayu yang berani mempertahankan maruah diri, tetapi keberanian itu tidak seharusnya ditonjolkan dalam bentuk kekerasan atau tindakan agresif seperti dalam video yang memperlihatkan insiden perbalahan antara wakil rakyat dengan Dato Speaker.

Hal ini berbeza dengan *Sulalat Al-Salatin* yang ditulis dengan cara yang penuh santun oleh Tun Sri Lanang. Walaupun di dalamnya banyak aspek penolakan yang dimuatkan oleh pengarang secara tidak langsung melalui cara yang bijaksana yang diselitkan melalui watak-watak tertentu dalam pelbagai episod menggunakan strategi seperti helah dan sebagainya. Masyarakat Melayu digambarkan sebagai manusia yang mempunyai budaya yang halus, sopan santun, amat mementingkan adab ketika berkomunikasi, enggan menunjukkan sikap biadab serta memanfaatkan kiasan dan perumpamaan sebagai pegangan dalam budaya mereka. Dalam keadaan tertentu, mereka menggunakan ucapan yang berimplikatur kerana lebih memberikan kesan kepada khalayak. Implikatur sebagai satu cabang pragmatik mengambil kira hubungan dengan budaya dan masyarakat (Yusniza Yaakob & Noriah Mohamed, 2018).





OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilakukan untuk mengkaji aspek penolakan yang dilakukan oleh golongan atasan seperti raja dalam menangkis arahan atau perlakuan yang tidak diingini. Terdapat dua objektif kajian, iaitu:

- i. Menenal pasti strategi penolakan Melayu berdasarkan Teori Kesantunan Brown dan Levinson (1987) dalam teks *Sulalat Al-Salatin*.
- ii. Menganalisis strategi penolakan Melayu yang dilakukan oleh dua golongan berkepentingan iaitu golongan raja dengan raja dalam teks *Sulalat Al-Salatin*.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan pelaksanaan dalam kajian pengkaji yang terdiri daripada kajian kepustakaan dan analisis kandungan. Kajian kepustakaan melibatkan bahan serta maklumat yang diperoleh oleh pengkaji digunakan untuk mencari konsep-konsep dan membina sorotan literatur yang berkaitan dengan kajian pengkaji. Segala maklumat yang berkaitan dengan kajian ini digunakan oleh pengkaji sebagai bahan sokongan.

Kajian analisis kandungan melibatkan analisis teks karya agung *Sulalat Al-Salatin* karangan Tun Seri Lanang untuk menganalisis strategi penolakan. Kaedah ini melibatkan bacaan secara teliti dan berterusan untuk mengenal pasti strategi kesantunan yang terdapat dalam prosa tradisional tersebut. Analisis kandungan berdasarkan analisis teks *Sulalat Al-Salatin* dipilih bertujuan untuk memperlihatkan cara masyarakat Melayu zaman dahulu dalam santun menolak arahan pemerintah Melayu.

Pengekodan data bagi bilangan peristiwa dicatatkan sebagai Kod P yang digunakan merujuk kepada peristiwa penolakan yang dianalisis dalam kajian. Nombor yang diberikan mengikut turutan peristiwa yang berlaku. Contohnya P1, P2, P3, P4 dan P5. Manakala kod SPP pula mewakili Strategi Penolakan Positif. Seterusnya, Strategi Penolakan Negatif pula dikodkan kepada SPN. Seterusnya, instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah senarai semak. Sewaktu menganalisis kandungan teks karya Tun Sri Lanang: *Sulalat Al Salatin*, data dipersembahkan dalam bentuk kelompok yang memerlukan interpretasi dalam dapatan untuk menjawab objektif kajian. Objektif kajian yang dilakukan oleh pengkaji mempunyai perkaitan dengan pendekatan teori dua tokoh barat, iaitu Brown dan Levinson (1987) dalam membentuk Strategi Penolakan Positif dan Strategi Penolakan Negatif.

Teori yang mendasari kajian ini adalah Teori Kesantunan Brown dan Levinson (1987) yang mengaitkan kesantunan sebagai usaha untuk mengurangkan Tindakan Ancaman Muka (TAM) kepada pendengar. Setiap penutur mempunyai kehendak muka yang terbahagi kepada dua, iaitu muka positif dan muka negatif yang dikaitkan dengan kehendak kelompok masyarakat. Sehubungan itu, penutur perlu mengurangkan ancaman muka pendengar dengan memilih strategi kesantunan.

KAJIAN LEPAS

Menurut Siti Saniah Abu Bakar dan Siti Darweena Che Rahimin (2017), kajian strategi penolakan dalam kalangan remaja menunjukkan bahawa pelajar sekolah menggunakan strategi secara langsung dan strategi tidak langsung untuk menolak arahan atau permintaan guru mereka. Melalui strategi secara langsung, Siti Saniah Abu Bakar dan Siti Darweena Che Rahimi (2017) mendapati dua kaedah Kuang (2009), iaitu tidak berserta alasan dan penekanan berulang digunakan. Selain itu, pengkaji turut mendapati enam daripada tujuh kaedah Kuang (2009) untuk strategi tidak langsung, iaitu sindiran, menggunakan partikel pragmatik, menolak dengan menggunakan alasan, mengelak memberikan jawapan, menunjukkan ketidaktahuan dan menimbulkan pertanyaan digunakan oleh pelajar sekolah. Kajian strategi penolakan ini menunjukkan bahawa murid sekolah masih lagi bersikap santun dalam berkomunikasi sesama guru mereka. Hal ini sama dengan pendapat Kuang (2009), iaitu rakyat Malaysia mungkin kerap menggunakan strategi tidak langsung dalam membuat penolakan disebabkan masyarakat Malaysia merupakan masyarakat yang kolektif.





Teori Kesantunan Brown dan Levinson (1987) dalam kajian Arena Johari dan Indirawati Zahid (2016) digunakan bagi mengenal pasti penggunaan pola kombinasi strategi dan maksim bahan konteks perbualan meminta dan memberi nasihat; menghuraikan faktor yang mempengaruhi penggunaan pola kombinasi strategi dan maksim dalam konteks perbualan meminta dan memberi nasihat. Hasil kajian mendapati Model Pola Kombinasi Strategi dan Maksim (MPKSM) membentuk empat pola kombinasi strategi, iaitu pola A, B, C dan D dengan pola teras yang terdiri daripada P2 dan P3. Pola teras P2 mengandungi strategi Kesantunan Positif dan Kesantunan Negatif manakala P3 pula mengandungi strategi tanpa rekod dan kedua-duanya mempunyai padanan maksim Prinsip Kerjasama (PK) tertentu. Dapatan kajian ini menunjukkan peserta perbualan mengaplikasikan pola kombinasi strategi dan maksim dengan meminimumkan Tindakan Ancaman Muka (TAM) ketika mengatur ujaran mereka untuk mencapai situasi konflik dengan pola B variasi pertama mendominasi keseluruhan ujaran.

Norazimah Zakaria, Suhana Sariff dan Mazarul Hassan Mohamad Hanapi (2016) menggunakan teks sejarah Melayu; *Sulalat Al-Salatin* dalam mengupas strategi kepengarangan Melayu tradisi sebagai lambang akal budi. Kajian sejarah Melayu dilakukan bertujuan untuk meneliti beberapa peristiwa melalui kewibawaan tokoh-tokoh merujuk teks sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah dalam mengatur strategi mengelak perang dapat dilihat melalui peranan pengarang yang menyurat teks tersebut agar dapat meninggikan akal budi dan budaya masyarakat untuk berfikir secara kreatif dan mampu menyelesaikan masalah melalui gambaran watak yang telah dipilih. Dapatan kajian menunjukkan peristiwa dan strategi pengarang dalam teks Melayu, iaitu peristiwa Raja Suran dan Maharaja China. Peristiwa ini menunjukkan bagaimana pengarang menggunakan analogi fantasi kepada sesebuah gambaran jarak, masa dan tempat sehingga menjadikan orang yang mendengar menjadi kagum dan percaya dengan apa-apa yang diperkatakan tanpa ragu. Analogi fantasi ini ditampilkan dengan bukti bagi meyakinkan pendengar, dan disebabkan tiada siapa pun yang mengetahui di mana kedudukan kerajaan China, maka sekalian menyebabkan mereka percaya dengan apa yang dilihat dan diperkatakan. Peristiwa ini menggambarkan kepada kita tentang kebijaksanaan pengarang dalam menyelesaikan sesebuah masalah yang boleh membawa kepada teretusnya perang.

Kajian lepas oleh Ainal Akmar Ahmad, Maizatul Azura Yahya, Nasihah Hashim dan Noor Aida Mahmor (2016) mengenai kesantunan berbahasa semasa berkomunikasi di media sosial. Kajian yang dilakukan mendapati bahawa masyarakat Malaysia menjadikan laman sosial sebagai wadah untuk berkomunikasi. Namun dalam berkomunikasi di laman sosial segelintir masyarakat alpa dengan aspek kesantunan ketika berkomunikasi. Hal ini demikian kerana masyarakat Malaysia mempunyai ungkapan makian tersendiri. Ungkapan makian wujud kerana ada segelintir netizen yang tidak boleh menerima sesuatu perkara. Begitu juga dengan gelaran, menggelarkan seseorang dengan gelaran malaun, pelesit kota dan macai-macai menunjukkan netizen mengabaikan aspek kesantunan berbahasa ketika berkomunikasi. Dari segi ujaran pula, memperlihatkan bahawa netizen telah menggunakan ujaran yang tidak santun bagi menzahirkan rasa tidak berpuas hati.

Mohd Aris Anis dan Ahmad Esa (2016) pula berpendapat bahawa kesantunan dalam komunikasi adalah untuk melahirkan hasrat hati si penutur kepada si pendengar yang diujarkan dalam bentuk yang berbeza dari makna yang sebenar. Kata-kata yang digunakan oleh seseorang menunjukkan penggunaan bahasa halus dan lembut yang memenuhi ciri-ciri kesantunan berbahasa. Walaupun mempunyai makna tersirat tetapi masih boleh difahami. Salah satu aspek kesantunan dalam berbahasa orang Melayu adalah melalui mesej tersirat atau makna implikatur (Nor Hashimah, 2012). Masyarakat Melayu terkenal sebagai masyarakat yang santun, lemah lembut, mesra dan berbudi bahasa. Penggunaan bahasa yang halus memberikan gambaran tentang budaya orang Melayu berkomunikasi dengan tujuan untuk menunjukkan rasa hormat serta santun dalam setiap pertuturan.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan Strategi Kesantunan Positif dan Strategi Kesantunan Negatif ini, analisis kajian yang dikaji memperlihatkan bahawa cara penolakan masyarakat Melayu ini telah lama dipraktikkan pada zaman Kesultanan Melayu dahulu cuma istilah yang digunakan berbeza dengan istilah barat dan Islam. Hal ini kerana sifat budi dalam berbahasa sememangnya dititikberatkan dalam masyarakat



Melayu. Brown dan Levinson (1987) mendapati bahawa strategi kesantunan dapat mengurangkan usaha tindakan ancaman muka (TAM). Strategi kesantunan menurut dua tokoh barat ini terbahagi kepada dua, iaitu kesantunan positif dan kesantunan negatif. Strategi Kesantunan Positif terdiri daripada komunikasi antara S, iaitu penutur (*speaker*) dan H, iaitu pendengar (*hearer*) dipecahkan kepada 15 strategi seperti dalam Jadual 1, manakala Strategi Kesantunan Negatif terdiri daripada komunikasi antara S, iaitu penutur (*speaker*) dan H, iaitu pendengar (*hearer*) dipecahkan kepada 8 strategi seperti dalam Jadual 2 dibawah.

Jadual 1. Strategi Kesantunan Positif berdasarkan Teori Kesantunan Brown dan Levinson (1987)

i. Strategi menyatakan kehendak, keperluan dan kebaikan.	ii. Strategi membesar-besarkan simpati, darjat dan kepentingan.
iii. Strategi white lies	iv. Strategi membuat lawak yang menggelikan hati pendengar sebagai hiburan
v. Strategi penutur memuji pendengar	vi. Strategi saling mengelakkan perjanjian
vii. Strategi penutur dan pendengar saling membuat perjanjian.	viii. Strategi penutur memberi alasan terhadap pendengar
ix. Strategi penutur menggunakan dialek, slang.	x. Strategi memenuhi kehendak pendengar untuk mendapatkan sesuatu.
xi. Strategi penutur menawarkan sesuatu kepada pendengar dan menganggap berhutang budi atau tidak menganggap berhutang budi	xii. Strategi penutur memberi hadiah kepada pendengar seperti kebaikan, keprihatinan, pemahaman dan penawaran kerjasama.
xiii. Strategi penutur membuat anggapan dan penegasan timbal balik terhadap pendengar	xiv. Strategi penutur dan pendengar melakukan kerjasama bersama
xv. Strategi penutur bersifat optimis terhadap pendengar iaitu penutur tahu apa kehendak pendengar	

Jadual 2. Strategi Kesantunan Negatif berdasarkan Teori Kesantunan Brown dan Levinson (1987)

i. Strategi penutur menyatakan soalan dan memberi arahan yang lemah lembut terhadap pendengar.	ii. Strategi penutur menggunakan bahasa pelunak apabila bertutur dengan pendengar.
iii. Strategi penutur tidak membuat andaian dan anggapan ketika berkomunikasi dengan pendengar.	iv. Strategi penutur tidak memaksa pendengar.
v. Strategi penutur meyakinkan pendengar dengan sesuatu menggunakan perkataan yang sedap didengar.	vi. Strategi menunjukkan perbuatan meminta maaf kepada pendengar.

vii. Strategi penutur mengurangkan ancaman dalam bertutur terhadap pendengar, iaitu penutur memberi penghormatan ketika berkomunikasi dengan pendengar.	viii. Strategi penutur mengurangkan peraturan atau hukuman kecil terhadap pendengar
---	---

Dapatan kajian ini dipaparkan dalam Jadual 3 di bawah yang membincangkan strategi penolakan Melayu antara golongan raja dengan raja. Sehubungan dengan itu, analisis yang dilakukan adalah berdasarkan dua strategi kesantunan dalam Teori Kesantunan Brown dan Levinson (1987), iaitu Strategi Penolakan Positif dan Strategi Penolakan Negatif.

Jadual 3. Strategi Penolakan Melayu antara Golongan Raja dengan Raja

Bil Peristiwa	Peristiwa penolakan	Strategi Penolakan
P1.	Penolakan sembah oleh Raja Melaka terhadap Raja Siam	Strategi Penolakan Positif
P2.	Penolakan serangan antara Raja Siam dengan Raja Melaka	Strategi Penolakan Positif
P3.	Penolakan Peminangan Puteri Gunung Ledang Terhadap Sultan Mansur Syah	Strategi penutur menggunakan bahasa pelunak apabila bertutur dengan pendengar
P4.	Penolakan arahan di antara Raja Mani Purindan dengan Raja (A)kbar	Strategi mengawal diri dan merendah hati
P5.	Penolakan tindakan Sultan Malik al-Mansur dengan Sultan Malik al-Zahir.	Strategi menjaga pergaulan dan perbualan

Berdasarkan Jadual 3 di atas, hasil kajian mendapati dalam konteks pemerintahan zaman dahulu, seseorang raja digambarkan amat bijak dan tegas dalam mengendalikan hubungan diplomatik dengan negara luar. *Sulalat Al-Salatin* menggambarkan Sultan Muzaffar Syah tidak mahu menerima naungan atau dengan perkataan lain menolak untuk sembah kepada raja Siam. Peristiwa ini digambarkan dalam petikan berikut:

Setelah kedengaranlah ke Benua Siam bahawa negeri Melaka besar, tiada ta'luk kepadanya, maka Paduka Bubunnya pun menyuruh ke Melaka hendak minta surat sembah. Maka Sultan Muzaffar Syah pun tiada perkataan mau menyembah ke Benua Siam. Maka Raja Benua Siam pun terlalu marah, lalu menyuruh berlempak (a)kan menyerang Melaka.

(Tun Sri Lanang, 2017, ms. 73)

Petikan di atas menunjukkan peristiwa Sultan Muzaffar Syah menolak untuk sembah kepada raja Siam. Penolakan tersebut telah mengundang kemurkaan daripada raja Siam sehingga menyebabkan timbulnya serangan Siam terhadap Melaka. Dalam hal ini serangan Siam kesan daripada penolakan sembah tersebut telah berjaya ditolak oleh Sultan Muzaffar Syah melalui kebijakan Tun

Perak yang menggunakan strategi *white lies* yang merupakan sesuatu perkara yang diberitahu untuk mengelak dan berpura-pura menyatakan sebab tidak dapat mematuhi sesuatu arahan yang dikemukakan (Brown and Levinson, 1987). Hal ini dapat dilihat melalui strategi peperangan berhelah yang mewajibkan tentera Melaka membawa anak dan isteri mereka bersama-sama ketika bertempur menentang tentera Siam di medan perang. Strategi ini dapat ditunjukkan menerusi petikan berikut:

Setelah genap tiga kali Seri 'amarat berkata demikian itu maka baharulah disahutinya oleh Tun Perak katanya itu, Hai Seri 'Amarat, tuan hamba dengan pedang sebilah itu hendaklah tuan hamba peliharakan baik-baik, jangan diberi karat, jangan kemakanan (matanya). Akan pekerjaan kami orang bekerja di mana tuan hamba tahu? Akan Duli Yang Dipertuan dalam negeri ini dengan anak isteri baginda dan segala perkakasannya. Benar kah pekerti tuan hamba kami sekalian datang dengan laki-laki jua dengan jauh (selat karang), jika barang suatu hal negeri ini apa sibuk padanya? Sebab itulah maka segala orang Kelang ini kami bawa dengan anak isterinya sekali supaya ibur, parang dengan musuh bersungguh-sungguh hati, kurang ia berlawanan Duli Yang Dipertuan, (lebih) ia bertikamkan {anak isterinya} (musuhnya) bersungguh-sungguh.

(Tun Sri Lanang, 2017, ms. 74)

Peristiwa 1 (P1) dalam jadual di atas memperlihatkan strategi *white lies* yang menonjolkan kebijaksanaan Tun Perak dalam menolak serangan Siam. Kesan penolakan sembah raja Melaka terhadap raja Siam berdasarkan petikan “Raja Benua Siam pun terlalu amarah, lalu menyuruh berlengkap (a)kan menyerang Melaka” telah memperlihatkan emosi marah Raja Siam yang telah mendapat tahu bahawa raja negeri Melaka, iaitu Sultan Muzaffar Syah tidak mahu menyembah negeri Siam. Oleh sebab arahan tersebut ditolak oleh Sultan Muzaffar Syah, maka Raja Siam telah mengeluarkan arahan untuk menyerang negeri Melaka. Petikan “Paduka Bubunnya pun menyuruh ke Melaka hendak minta surat sembah. Maka Sultan Muzaffar Syah pun tiada perkataan mau menyembah ke Benua Siam” telah menimbulkan unsur provokasi yang ditunjukkan oleh Sultan Muzaffar Syah sekali gus mendatangkan rasa tercabar negeri Siam dan rancangan untuk menyerang negeri Melaka telah diketuai oleh hulubalang yang bernama Awi Cakri.

Namun begitu, serangan yang dilakukan oleh kerajaan Siam ditolak oleh Sultan Muzaffar Syah melalui muslihat berhelah *white lies* yang diatur oleh Tun Perak. Dalam hal ini Tun Perak telah melengah-lengahkan pertanyaan Seri Amarat yang ingin mengetahui helah Tun Perak. Setelah tiga kali ditanya baru dijawab oleh Tun Perak. Petikan “Orang Kelang ini kami bawa dengan anak isterinya sekali supaya ibur, parang dengan musuh bersungguh-sungguh hati, kurang ia berlawanan Duli Yang Dipertuan, (lebih) ia bertikamkan {anak isterinya} (musuhnya) bersungguh-sungguh” memberi makna Tun Perak mahu supaya tenteranya bersungguh-sungguh berperang demi menjaga keselamatan isteri mereka masing-masing di samping berperang kerana raja. Kesannya, tentera Melaka telah berjaya menumpaskan tentera dari Siam.

Peristiwa 2 (P2) dalam jadual di atas menonjolkan strategi *white lies* yang dilakukan Tuan Sidi Arab mewakili raja Melaka terhadap raja Siam seperti yang disarankan menerusi Teori Kesantunan Brown dan Levinson (1987). Strategi *white lies* yang digunakan oleh Tun Perak telah berjaya menumpaskan serangan Raja Siam yang berpunca daripada penolakan sembah kepada Raja Siam oleh raja Melaka. Tentera Siam dibunuh dengan menggunakan parang dan selebihnya berundur balik ke negeri Siam hasil daripada idea peperangan Tun Perak tersebut. Perkara tersebut mengundang kemarahan raja Siam, Raja Bubunya dan menyebabkan serangan balas dendam yang diketuai oleh anaknya, Cau Pandan. Walaupun begitu, serangan ini sekali lagi dapat dipatahkan dengan mudah melalui strategi *white lies* yang dilakukan oleh Tuan Sidi Arab bagi pihak raja Melaka. Contohnya dapat dibuktikan melalui petikan berikut:

Maka kedengaranlah ke Melaka bahawa Cau Pandan, anak Bubunnya, akan dititahkan baginda menyerang ke Melaka. Maka ada seorang sidi, hamba Allah, diam di Melaka. Maka tuan itu netiasa bermain panah; barang ke mana ia pergi panahnya dibawa juga. Adapun pada ketika itu Sultan Muzaffar Syah sedang diadap segala orang kaya-kaya,



semua berkampung mengadap baginda. Tuan Sidi itu pun ada hadir mengadap baginda. Setelah Tuan Sidi itu menengar khabar orang itu maka tuan sidi pun memanah dihadapan Sultan Muzaffar Syah, dihadapkannya ke Benua Siam. Maka kata Tuan Sidi ketika memanah itu, "Sudah mati Cau Pandan!"

(Tun Sri Lanang, 2017, ms. 79)

Adapun Cau Pandan pada ketika itu lagi di Benua Siam. Maka berasa pada dada Cau Pandan seperti rasa kena panah. Maka Cau Pandan mutahkan darah lalu mati. Maka tiadalah Siam itu jadi menyerang ke Melaka.

(Tun Sri Lanang, 2017, ms. 79)

Kelebihan yang ada pada Tuan Sidi itu telah digunakan untuk membantu Sultan Muzaffar Syah untuk mematahkan serangan negeri Siam tersebut. Tuan Saidi Arab terkenal dengan keistimewaan yang handal memanah telah berjaya membunuh anak lelaki Raja Siam seperti yang telah dijelaskan sebelum ini. Strategi penolakan secara *white lies* yang dilakukan oleh Tuan Sidi bagi pihak raja Melaka dapat mengelakkan Melaka daripada diserang oleh Siam.

Strategi penolakan seterusnya dapat dilihat menerusi Peristiwa 3 (P3) yang dilakukan oleh Puteri Gunung Ledang terhadap Sultan Mansur Syah. Penggunaan bahasa pelunak untuk menolak permintaan ini menjadi lambang kehebatan golongan raja Melayu dalam strategi kesantunan berbahasa, khususnya untuk menolak permintaan tanpa menyakitkan hati masing-masing. Sebagai contoh, *Sulalat Al-Salatin* menggambarkan Puteri Gunung Ledang menolak lamaran Sultan Mansur Syah dengan menggunakan bahasa kiasan, iaitu berkias di sebalik syarat atau hantaran yang sukar dipenuhi, seperti jambatan perak dari Melaka ke Gunung Ledang, hati nyamuk tujuh dulang, hati kuman tujuh dulang, air pinang muda setempayan, air mata setempayan, darah raja semangkuk dan darah anak raja semangkuk. Hal ini digambarkan menerusi petikan berikut:

Maka kelihatan pula seorang perempuan tuha, bongkok lipat tiga dibelakangnya. Maka ia berkata kepada Tun Mamad, "Adapun segala kata tuan hamba itu telah sudah dipersembahkan oleh Dang Raya Rani pada Puteri Gunung Ledang. Akan titah puteri, "Jikalau Raja Melaka hendak akan daku buatkanlah aku jambatan emas satu, jambatan perak satu, dari Melaka datang ke Gunung Ledang. Akan peminangnya hati nyamuk tujuh dulang, hati kuman tujuh dulang, air pinang muda{h} setempayan, air mata setempayan, darah raja sema(ng)kuk dan darah anak raja-raja sema(ng)kuk. Jikalau demikian maka kabullah pada hamba akan kehendak Raja Melaka itu." Maka titah Sultan Mansur Syah, "Semuanya dapat kita adakan, tetapi akan mengeluarkan darah anak kita itulah yang tiada dapat kita adakan, karena tiada sampai hati."

(Tun Sri Lanang, 2017, ms. 125)

Berdasarkan teks di atas, jelas menunjukkan Puteri Gunung Ledang telah menggunakan strategi penolakan negatif melalui bahasa pelunak untuk menolak peminangan atau lamaran raja. Petikan *Akan titah puteri, "Jikalau Raja Melaka hendak akan daku buatkanlah aku jambatan emas satu, jambatan perak satu, dari Melaka datang ke Gunung Ledang. Akan peminangnya hati nyamuk tujuh dulang, hati kuman tujuh dulang, air pinang muda{h} setempayan, air mata setempayan, darah raja sema(ng)kuk dan darah anak raja-raja sema(ng)kuk. Jikalau demikian maka kabullah pada hamba akan kehendak Raja Melaka itu."* Petikan ini menggambarkan strategi menggunakan bahasa kiasan yang diterjemahkan menerusi syarat-syarat peminangan yang dikemukakan oleh wakil Puteri Gunung Ledang, iaitu seorang perempuan tua yang berbongkok badannya. Dalam episod ini memperlihatkan strategi penolakan yang dilakukan oleh Puteri Gunung Ledang tidak mendatangkan perbuatan murka kepada raja Melaka, Sultan Mansur Syah. Sebaliknya Sultan Mansur Syah menerima dengan hati yang terbuka. Buktinya dapat dilihat menerusi petikan *"Maka titah Sultan Mansur Syah, "Semuanya dapat kita adakan, tetapi akan mengeluarkan darah anak kita itulah yang tiada dapat kita adakan, karena tiada sampai hati."* Menerusi titah ini dapat dilihat bahawa raja Melaka tidak sampai hati untuk membunuh keturunannya sendiri demi memenuhi syarat peminangan Puteri Gunung Ledang.





Dalam hal ini Sultan Mansur Syah memperlihatkan unsur tidak berkecil hati dengan syarat-syarat peminangan Puteri Gunung Ledang. Strategi penolakan yang ditonjolkan melalui watak Puteri Gunung Ledang dapat dilihat melalui syarat-syarat yang tidak masuk akal tersebut. Puteri Gunung Ledang boleh sahaja menolak dengan tidak berhemah dan menghalau rombongan peminangan yang dihantar oleh Sultan Mansur Syah, tetapi budaya Melayu sendiri amat mementingkan kesantunan dalam menuturkannya yakni menolak permintaan sekali pun terlihat sopan tanpa mengguris hati pihak yang mendengar (Tun Sri Lanang, 2017).

Peristiwa 4 (P4) pula menonjolkan strategi penolakan arahan antara Raja Mani Purindan dengan Raja Akbar menerusi strategi penolakan dengan mengawal emosi dan merendah diri. Strategi ini dapat dikesan melalui watak Mani Purindan mengawal emosinya terhadap tindakan saudaranya yang sulungnya, Raja Akhbar yang tidak bersetuju dengan cadangannya supaya tidak menyerahkan cuki kepada adik perempuan mereka yang dianggap lebih berhak menerimanya. Dalam hal ini, Raja Akhbar mahukan adik perempuan mereka membayar harga cuki tersebut kepada mereka berdua jika berhasrat untuk mengambilnya. Oleh itu Mani Purindan dengan rasa rendah diri mengambil keputusan untuk merantau ke luar negara sebagai suatu cara penolakan yang beradab dan berakhlak terhadap sikap adiknya yang tamak terhadap harta pusaka tersebut. Hal ini digambarkan oleh pengarang melalui petikan berikut:

Maka kata Mani Purindan kepada adiknya, Raja (A)kbar Muluk (Pad) Syah, “Cuki ini berikanlah akan saudara kita yang perempuan ini, karena bukan layak kita memakai dia.” ... Maka kata Raja (A)kbar Muluk (Pad) Syah, “Tiada hamba mau demikian. Adapun yang kehendak hamba kita nilaikan juga harganya cuki itu. Jika saudara kita perempuan hendakkan dia, diberinya harganya pada kita”

(Tun Sri Lanang, 2017, ms 66)



...sedang pekerjaan kecil lagi tiada diturutnya oleh syaudaraku, ini pula jikalau pekerjaan besar, berapa lagi? Jikalau demikian baik aku membuang diriku barang ke mana. Jika aku disini pun bukan aku kerajaan dalam negeri ini. Tetapi ke mana baik aku pergi melainkan ke Melaka juga, karena Raja Melaka itu pada zaman ini raja besar?”

(Tun Sri Lanang, 2017, ms 66-67)

Konflik yang diperlihatkan berpunca daripada sikap saudaranya, Raja (A)Kbar Muluk (Pad) Syah yang tidak menerima pendapat Mani Purindan. Petikan *“Tiada hamba mau demikian. Adapun yang kehendak hamba kita nilaikan juga harganya cuki itu. Jika saudara kita perempuan hendakkan dia, diberinya harganya pada kita.”* Petikan ini menunjukkan unsur kenyataan yang dikeluarkan oleh Raja (A)Kbar Muluk (Pad) Syah yang tidak bersetuju dengan nasihat yang diutarakan oleh abang sulungnya, Mani Purindan dalam mengagihkan harta peninggalan ayah mereka kepada adik perempuan tunggal mereka. Cuki yang dimaksudkan dalam petikan *“Cuki itu berikanlah akan saudara kita yang perempuan ini, karena bukan layak kita memakai dia”* adalah merupakan sehelai selendang yang dipakai oleh wanita.

Strategi penolakan Melayu dapat dilihat menerusi petikan *“Jikalau demikian baik aku membuang diriku”* memperlihatkan Mani Purindan yang begitu mengawal emosi dan merendah diri dengan membawa dirinya lari daripada kerajaan sendiri. Oleh sebab nasihat Mani Purindan tidak diterima, maka Mani Purindan mengambil keputusan untuk melarikan diri ke Melaka daripada bertikam lidah dengan saudara kandungnya itu. Strategi merendah diri ini telah menjadikan Mani Purindan seorang raja yang bijak dalam membuat keputusan.

Seterusnya ialah peristiwa 5 (P5) yang memperlihatkan dua adik-beradik yang menggunakan strategi menjaga pergaulan dan perbualan menerusi watak Sultan Malik al-Zahir dengan Sultan Malik al-Mansur. Sultan Malik al-Zahir tetap menjaga pergaulan dan perbualannya daripada melakukan perkara yang sia-sia kepada adindanya, Sultan Malik al-Mansur yang telah bertindak mengambil gundiknya dan membawa pulang ke istananya tanpa kebenaran. Perkara ini dapat dilihat melalui petikan berikut:





...Maka oleh Sultan Malik al-Mansur digagahinya juga dirinya, berangkat juga ia mengeliling negeri Pasyai, lalu masuk ke istana Sultan Malik al-Zahir. Maka baginda pun berahi akan perempuan dayang-dayang paduka baginda Sultan Malik al-Zahir, maka di ambalnya, dibawanya kembali ke istananya.

...Maka kedengaranlah khabar Sultan Malik al-Zahir dikhabarkan orang sudah ada di Jambu Air dan khabar Sultan Malik al-Mansur pun telah kedengaranlah. Maka Sultan Malik al-Zahir pun menaruh dendam dalam hatinya, tiada juga dikeluarkannya pada seorang pun. Pada suatu hari Sultan Malik al-Zahir bertitah, "Tun Perpatih Tulus Tukang Segera, apa bicara tuan hamba akan pekerjaan Sultan Malik al-Mansur?"

Maka sembah Tun Perpatih Tulus Tukang Segera, "Ada suatu muslihat kita." Maka titah Sultan Malik al-Zahir, "Kalau Sultan Malik al-Mansur mati..." Maka sembah Tun Perpatih Tulus Tukang Segera, "Jika mati Sultan Malik al-Mansur bukanlah tukang namanya. Mari paduka anakanda Sultan Ahmad kita khatankan. Maka Sultan Malik al-Mansur kita jemput. Pada ketika itu juga kita kerjakan.

(Tun Sri Lanang, 2017, ms 52)

Sultan Malik al-Zahir tidak dapat menerima tindakan adik kandungnya itu yang membawa lari dayang miliknya tanpa meminta izin terlebih dahulu. Petikan "*Berahi akan perempuan dayang-dayang paduka baginda Sultan Malik al-Zahir, maka di ambalnya, dibawanya kembali ke istananya*" mendapati bahawa akibat perbuatan Sultan Malik al-Mansur membawa seorang dayang milik saudara kandungnya telah memperlihatkan strategi penolakan melalui tindakan dan perlakuan yang tidak diingini. Menerusi kejadian tersebut, petikan "*menaruh dendam dalam hatinya, tiada juga dikeluarkannya pada seorang pun*" telah memperlihatkan perwatakan Sultan Malik al-Zahir yang telah melahirkan emosi marah dan mempunyai unsur dendam yang mendalam terhadap adik kandungnya kerana menurutnya adik kandungnya itu berbuat sesuka hati tanpa meminta izin untuk membawa dayang miliknya terlebih dahulu. Strategi menjaga pergaulan dan perbualan antara adik kandungnya itu merupakan penolakan yang dilihat berhemah dan bijaksana dalam menjaga pergaulan sesama adik kandung.



KESIMPULAN

Sulalat Al-Salatin membuktikan bahawa kesantunan berbahasa serta keelokan adab berkomunikasi amat tinggi dalam kalangan masyarakat Melayu. Adab berkomunikasi yang berlandaskan pegangan agama Islam dilihat menjadi rujukan utama dalam mengatur strategi penolakan yang berkesan. Sebagai contoh adalah strategi menggunakan bahasa yang berlapik, strategi yang berhemah serta strategi yang bijaksana tanpa mengguris hati mana-mana pihak.

Jika dilihat pada insiden pertikaman lidah yang berlaku dalam Dewan Parlimen berdurasi selama 14.03 pua, adab dalam santun berbahasa tidak ditonjolkan oleh ahli-ahli Dewan Parlimen. Hal ini menunjukkan masyarakat pada hari ini lemah dalam melakukan penolakan bahasa. Penutur boleh sahaja menggunakan bahasa yang melambangkan santun dalam membuat penolakan bagi menegur ahli dewan parlimen. Sebagai contoh dapat dilihat menerusi episod helah Puteri Gunung Ledang menolak pinangan Raja Melaka dengan membuat penolakan perlambangan yang tersirat. Sebagai seorang yang berkedudukan tinggi, Sultan Mansur Syah tidak mudah melatah dan marah dengan permintaan tersebut sebaliknya menerima penolakan tersebut dengan hati yang terbuka. Walaupun sindiran Puteri Gunung Ledang itu tidak diketahui, baginda Sultan membuat andaian bahawa darah anak sulungnya itu merupakan darah keturunannya tidak seharusnya dijadikan korban demi memuaskan nafsunya. Secara keseluruhan kajian strategi penolakan Melayu mengetengahkan kehebatan orang Melayu dalam bertindak terhadap arahan golongan yang berkepentingan.

Manusia mempunyai hak untuk bersuara dalam menolak pendapat. Namun, cara menolak tersebut perlu dilakukan secara santun agar tidak mengguris hati pendengar. Melalui dapatan kajian yang telah dianalisis ini dapat melihat bagaimana cara masyarakat Melayu melakukan penolakan menggunakan strategi kesantunan yang tinggi tanpa menggugat perasaan si pendengar. Menurut Noriati A. Rashid (2005), fenomena kesantunan orang Melayu ini berkait rapat dengan kerangka nilai-nilai Islam. Kesantunan dalam kehidupan masyarakat Melayu tidak hanya terbatas dalam perlakuan



berbahasanya sahaja, bahkan turut melibatkan perlakuan adat. Keseluruhan nilai sosiobudaya orang Melayu berjaya difahami apabila melihat kesantunan masyarakat Melayu. Dalam memperlihatkan fenomena berbahasanya (Mohamed Redzwan et al. 2018, 2020). Gumperz (1993) menjelaskan bahawa kajian tentang penggunaan bahasa perlu dilakukan dalam konteks sosial dan hubungannya dengan norma, nilai, dan ciri-ciri budaya yang menguasai percakapan masyarakat tersebut.

RUJUKAN

- Arina Johari & Indirawati Zahid. (2016). Manifestasi kesantunan Melayu dalam ujaran memberi dan meminta nasihat. GEMA Online, *Journal of Language Studies*, 16 (2), 73-94.
- Asmah Haji Omar. (2002). *Setia dan santun bahasa*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Atoh, N. & Zubir Idris (2013). Simile sebagai kesantunan berbahasa dalam Syair Siti Zubaidah. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 4, 78-95. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1135>
- Brown, P. & Levinson, S. C. (1987). *Politeness: Some universals in language usage*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Marlyna Maros, Mohammad Fadzeli & Maslinda Yusof. (2012). *Prinsip dan aplikasi kesantunan berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marlyna Maros. (2011). Strategi kesantunan Melayu dalam membuat teguran. *Jurnal Elektronik Jabatan Bahasa & Kebudayaan Melayu*, 3, 7-20.
- Mohamed Redzwan, H. F., Bahari, K. A., Sarudin, A., & Osman, Z. (2020). Strategi pengukuran upaya berbahasa menerusi kesantunan berbahasa sebagai indikator profesionalisme guru pelatih berasaskan skala morfofonetik, sosiolinguistik dan sosiopragmatik. *Malaysian Journal of Learning & Instruction*, 17 (1), 187-228.
- Mohamed Redzwan, H. F., Sarudin, A., & Bahari, K. A. (2018). Upaya Berbahasa Melayu Tinggi dan Berbudaya (BMTB) dari sudut morfo-fonetik dan sosiolinguistik dalam kalangan guru pelatih. *Journal of Humanities, Language, Culture & Business Journal*, 2 (8), 153-161.
- Siti Hawa Haji Salleh. (2009). *Kelopak pemikiran sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Saniah Abu Bakar & Siti Darweena Che Rahimin. (2017, Julai). *Strategi penolakan dalam kalangan remaja*. Dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Memartabatkan Bahasa Melayu Ke-5 di Uzbek State World Languages University, Tashkent, Uzbekistan.
- Yuzniza Yaakub & Noriah Mohamed. (2018). Ungkapan berimplikatur sebagai strategi kesopanan dalam warkah Koleksi Pendeta Za'ba. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 9, 130 - 143. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol9.10.2018>
- Zainal Abidin Borhan. (2017). *Karangan asal Tun Sri Lanang. Sulalat al-Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.